



**GIGIH...Maizun Mohd Nasir, 41, berkemas apabila rumahnya dinaiki air gelombang kedua di Kampung Lanchang, Pasir Mas, semalam.**

**K**OTA BHARU: Sebahagian penduduk di negeri ini terpaksa dipindahkan semula ke pusat pemindahan banjir berikutan banjir kali kedua yang mula melanda semalam.

Sehingga kira-kira jam 6 petang, 44 mangsa daripada 12 keluarga di Pasir Puteh dipindahkan ke dua pusat pemindahan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kamil dan Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Awang.

Paras air Sungai Golok di Rantau Panjang sudah melebihi paras ama-

## Pindah semula akibat banjir kali kedua

ran iaitu setinggi 8.50 meter, manakala paras Sungai Kelantan dan Sungai Lebir turut melebihi paras amaran iaitu kira-kira 14.30 meter dan 31.17 meter.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pelajaran Kelantan, Hussain Awang berkata, jumlah sekolah yang di-

tutup akibat banjir masih lagi seperti biasa iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Simpangan, SK Bendang Pak Yong, SK Tok Jering dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Nurul Huda di Tumpat, manakala di Pasir Mas pula, SABK Diniah.